

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
(LANANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 04.11.2015

Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang telah dikutip dari bulan April 2015 hingga sekarang mengikut setiap negeri dan berapakah jumlah yang telah dituntut oleh peniaga-peniaga. Adakah tuntutan tersebut dibayar balik dengan lancar dan seperti dalam masa yang ditetapkan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menjangkakan hasil GST pada tahun 2015 sebanyak 27 bilion ringgit. Memandangkan hasil GST adalah dilevi di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan dan

dikuatkuasakan di seluruh Malaysia, ia merupakan cukai persekutuan, maka kutipan cukai berdasarkan negeri atau di mana sesuatu perniagaan membuat bayaran tidak semestinya menggambarkan bahawa hasil tersebut berkaitan dengan aktiviti ekonomi di negeri tersebut semata-mata. Di samping itu, GST import juga lebih tertumpu kepada negeri-negeri yang mempunyai pelabuhan utama. Sehubungan itu, adalah menjadi amalan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Kewangan untuk tidak memperincikan kutipan hasil GST berdasarkan negeri.

Bagi tempoh 1 April hingga 30 September 2015, jumlah cukai input yang telah dituntut adalah sebanyak 10 bilion ringgit manakala jumlah tuntutan yang telah dibayar adalah sebanyak 6.1 bilion ringgit. Amaun selebihnya adalah diperingkat proses untuk dibayar. Bagi sesuatu permohonan tuntutan cukai input, Kerajaan akan membuat bayaran balik tuntutan kredit cukai input dalam masa 14 hari bekerja bagi penyerahan borang tuntutan secara *online* dan 28 hari bagi bekerja bagi penyerahan borang tuntutan secara manual. Bagi bulan Julai 2015, sebanyak 41.6% permohonan telah diproses dalam tempoh 14 hari bekerja, 53.8% permohonan telah diproses dalam tempoh 28 hari bekerja dan baki 4.6%

permohonan diproses melebihi tempoh 30 hari bekerja. Antara punca kelewatan pulang balik adalah seperti berikut:

- i. syarikat menghantar borang dalam tempoh bercukai yang salah;
- ii. borang GST-03 salah diisi atau tidak lengkap;
- iii. maklumat bank tidak lengkap;
- iv. maklumbalas yang lambat oleh pihak syarikat apabila dikuiri oleh pihak JKDM bagi tujuan verifikasi; dan
- v. tuntutan yang diragui.

Di pihak JKDM juga, prosedur yang terlibat telah ditambah baik untuk memastikan pembayaran balik cukai input dibuat dalam tempoh yang ditetapkan. Tempoh bayaran balik cukai input juga dijangka akan terus bertambah baik di masa hadapan apabila pihak syarikat menjadi lebih arif dalam proses tuntutan dan mengemukakan maklumat yang betul dan tepat.

SOALAN (50)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2015
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH
[SANDAKAN]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan semua projek inisiatif Kerajaan membina rumah mampu milik di negeri Sabah termasuk PR1MA, Skim Myhome dan sebagainya. Nyatakan maklumat setiap skim dan projek secara terperinci termasuk harga jangkaan setiap unit, keluasan setiap unit dan jumlah unit disediakan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah siap membina sebanyak 3,729 unit rumah di negeri Sabah di bawah Dasar 1Juta Rumah Mampu Milik (RMM). Manakala sebanyak 860 unit RMM dalam pembinaan dan baki 5,036 unit rumah berada di pelbagai peringkat perancangan.

Ini termasuklah projek Skim *MyHome* yang diluluskan adalah sebanyak 3 projek melibatkan 2,294 unit rumah. Manakala Program Perumahan Rakyat (PPR) merupakan skim khusus bagi menyediakan kemudahan perumahan kepada rakyat berpendapatan rendah dan golongan setinggan. Perumahan PPR mempunyai unit rumah dengan keluasan minima seluas 700kps dilengkapi 3 bilik dan 2 bilik air.